

NO SOALAN : 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD
AKIN [BUKIT KATIL]**

TARIKH : 28.5.2015 (KHAMIS)

TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN [BUKIT KATIL] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang menaikkan harga susu formula untuk bayi yang sepatutnya tidak dikenakan GST tetapi telah naik secara mendadak di pasaran mulai bulan April 2015.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Di bawah Akta Cukai dan Perkhidmatan 2014, Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah menyenaraikan susu formula untuk bayi yang berumur **0 hingga 36 bulan** sebagai berkadar sifar dan tidak dikenakan GST manakala susu formula bagi umur **36 bulan ke atas** dikenakan kadar standard GST 6%.

Kementerian bertanggungjawab mengawal kenaikan harga barangan dan caj bagi perkhidmatan yang tidak munasabah melalui penguatkuasaan di bawah **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011**. Akta ini telah dipinda bagi memperkasakan penguatkuasaan dan pindaan Akta tersebut telah **berkuatkuasa pada 1 September 2014**.

Bagi memperkasakan lagi penguatkuasaan, pindaan telah dibuat kepada Akta ke atas **Seksyen 15** dengan memberi kuasa kepada Menteri untuk menetapkan satu mekanisme menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah bagi apa-apa barangan atau perkhidmatan bagi suatu tempoh tertentu. Mekanisme baru ini iaitu **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) (Margin Keuntungan Bersih) 2014** telah mula **berkuat kuasa pada 1 Januari 2015**.

Peraturan ini menetapkan peniaga perlu mengekalkan margin keuntungan bersih barang dan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan mulai **2 Januari 2015 hingga 30 Jun 2016**. Peniaga yang dikesan menaikkan harga yang tidak munasabah akan diberikan Notis untuk mengemukakan justifikasi dan penjelasan di bawah **Seksyen 21**

dianggap sebagai satu subsidi kerana kosnya jauh lebih rendah berbanding bayaran yang dikenakan oleh hospital/klinik swasta.

Bagi pasangan suami isteri yang berpendapatan rendah dan bekerja di sektor Kerajaan, kemudahan perkhidmatan kesuburan diberi secara percuma sepertimana diperuntukkan dalam Pekeliling Bilangan 4 tahun 2001, Pelaksanaan Kemudahan Perubatan. Walau bagaimanapun kemudahan ini adalah khas untuk rawatan 'primary infertility' sahaja, iaitu mereka yang tidak pernah hamil tanpa menggunakan sebarang kaedah pencegah kehamilan selepas setahun mengadakan hubungan seksual.

- b) Terdapat dua (2) jenis pendaftaran pengangkatan anak angkat di Semenanjung Malaysia seperti berikut:-
 - i. Pengangkatan De Facto iaitu seseorang kanak – kanak itu berada dalam jagaan, sedang dibesarkan, ditanggung dan dididik oleh mana – mana orang atau pasangan suami isteri secara bersama selama tidak kurang dari 2 (dua) tahun; iaitu pendaftaran pengangkatan dibuat di bawah Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253); dan

ii. Pengangkatan Melalui Perintah Mahkamah iaitu pendaftaran pengangkatan yang dibuat melalui Perintah Pengangkatan yang dikeluarkan oleh Mahkamah dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) hanya mendaftarkan pengangkatan di bawah Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257).

Dalam hal ini, jumlah kelahiran anak tidak sah taraf di Malaysia yang telah berdaftar dengan JPN dari tahun 2010 sehingga 2014 adalah seramai 272,727 orang.